

900,000 jalani terapi imun

WALAUPUN tiada data khusus, dianggarkan kira-kira 900,000 rakyat di negara ini sedang menjalani terapi penindasan imun akibat pelbagai penyakit seperti kanser darah, masalah auto imun, HIV, penyakit kulit dan sebagainya.

Dr. Adli berkata, bagi pesakit HIV saja, dianggarkan berjumlah 600 sehingga 700 orang yang menerima rawatan di HCTM, manakala penyakit rheumatoid pula lebih kurang 500 orang di mana kira-kira 300 daripada mereka menerima rawatan penindasan imun. Jumlah pesakit dijangka lebih ramai kerana penyakit rheumatoid arthritis semakin kerap berlaku, terutama dalam kalangan orang dewasa.

“Daripada pemerhatian di klinik dan hospital kami, ramai pesakit menjalani terapi penindasan imun yang menyebabkan tahap imun mereka menjadi lemah. Jumlah pesakit lebih ramai atau berganda jika dicampur di semua hospital sekitar Lembah Klang. Bayangkan berapa ramai yang tidak dapat menerima vaksin Covid-19?”

“Kanser dan penyakit auto imun turut berlaku dalam kalangan kanak-kanak serta memerlukan rawatan yang menyebabkan keupayaan sistem imun mereka rendah. Penyakit mereka dikesan semasa masih kecil, tetapi sekarang ia boleh dirawat. Pemberian antibodi ini adalah sebagai penambahan antibodi sedia ada dalam tubuh yang boleh melindungi



GOLONGAN yang tidak dapat bertindak balas terhadap vaksin tidak boleh dipinggirkan kerana mereka juga berhak dilindungi untuk meneruskan kehidupan seperti biasa.



DR. ADLI ALI

mereka untuk melawan virus Covid-19,” katanya.

Antibodi berkenaan katanya, diberikan satu dos dalam dua suntikan dan digalakkan mengambilnya setiap enam bulan untuk perlindungan lebih lama.

Pesakit dengan terapi penindasan imun ini biasanya akan menjalani rawatan setiap bulan iaitu tiga hingga empat minggu sekali.

Justeru, pemberian antibodi ini dapat membantu meningkatkan tahap sistem imun mereka.

Walaupun orang ramai, terutama pesakit digalakkan menjalani gaya hidup sihat, termasuk makan makanan seimbang tetapi ia adalah langkah asas saja untuk kekal sihat.

Selain itu, mental yang sihat turut memainkan peranan penting untuk meningkatkan fungsi sistem imun.

Justeru, langkah tambahan terbaik adalah dengan mendapatkan perlindungan menerusi vaksin.

Apakah antibodi?

- » Antibodi adalah protein yang dihasilkan oleh sistem imun anda untuk melawan jangkitan, termasuk disebabkan oleh virus
- » Tubuh anda boleh mengingati cara untuk menghasilkan antibodi sekiranya terdedah kepada virus sama

Apakah Antibodi Monoklonal?

- » Antibodi Monoklonal adalah klon antibodi di dalam tubuh yang dicipta di dalam makmal
- » Ia berfungsi merangsang sistem imun
- » Bertindak menghentikan gejala teruk akibat jangkitan Covid-19
- » Bertindak menyasarkan virus Covid-19 dan lebih berkesan memberikan perlindungan kepada pesakit dengan lebih selamat

Siapakah golongan dengan imun rendah?

- » Pesakit HIV jika tidak dirawat boleh melemahkan sistem imun
- » Pesakit kanser yang menjalani rawatan kemoterapi yang melemahkan sistem imun
- » Sakit sendi atau rheumatoid arthritis
- » Pesakit kulit yang menggunakan steroid
- » Penerima organ yang menggunakan ubat bagi mengatasi penolakan organ baharu

Cara sistem imun bertindak


- » Tubuh mempunyai pelbagai cara untuk melindungi diri daripada patogen (virus dan kuman)
- » Kulit, mucus dan cilia (rerambut kecil) menahan patogen daripada memasuki tubuh
- » Apabila tubuh dijangkiti, sistem imun akan menyerang virus berkenaan

Negara yang menggunakan Antibodi Monoklonal

- » Beberapa benua dan negara di dunia seperti Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Jordan, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Korea Selatan.



Antibodi Monoklonal



Bertindak
menyasarkan
virus Covid-19 dan
lebih berkesan
memberikan
perlindungan kepada
pesakit dengan lebih
selamat.

la berfungsi
merangsang
sistem imun.

Antibodi Monoklonal
adalah klon antibodi
di dalam tubuh yang
dicipta di dalam
makmal.

Bertindak
menghentikan
gejala teruk akibat
jangkitan Covid-19.